

KANDUNGAN

	Halaman
1.0 PENGENALAN	2
2.0 NAMA PENUH DAN KELAHIRAN	2
3.0 PENDIDIKAN AWAL	3
4.0 MAZHAB	5
5.0 GURU DAN MURID	5
6.0 SIFAT DAN PERWATAKAN	7
6.1 Wara ^c	7
6.2 Tawadu ^c	7
6.3 Kaya Jiwa	8
7.0 LATAR BELAKANG KELUARGA	9
8.0 KEMATIAN DAN TEMPAT PEMAQAMAN	9
9.0 PERJALANAN ILMIAH	10
10.0 SUMBANGAN DALAM BIDANG PENULISAN	13
10.1 Bidang Hukum dan Fiqh	13
10.2 Bidang Quran dan Tafsir	14
10.3 Bidang Hadith	14
10.4 Bidang ^c Aqidah	14
10.5 Bidang Sejarah	14
11.0 KEDUDUKAN PADA PANDANGAN ULAMA' ISLAM	18
12.0 KESIMPULAN	19

ABU JA'FAR MUHAMMAD BIN JARIR AL-TABARI (224-310H/838-923M): SATU KAJIAN BIOGRAFI DAN SUMBANGAN

1.0 PENGENALAN

Bagaikan satu dalam sejuta, begitulah kurniaan Allah kepada insan yang dikenali dengan nama al-Tabari ini. Beliau merupakan seorang tokoh sejarawan Islam dari Tabaristan yang terkenal dalam pelbagai bidang dan disiplin ilmu pengetahuan. Karya beliau yang mencakupi fiqh, hadith, tafsir sejarah, syair, kamus, tatabahasa, akhlak, matematik, perubatan dan lain-lain telah membuktikan kesarjanaan dan kewibawaan beliau yang tidak ada tolok bandingnya. Sebagai contoh, sentuhan penulisannya dalam bidang sejarah melalui *master piece* beliau iaitu *Kitab Tarikh al-Rasul wa al-Muluk* telah mengangkat nama beliau sebagai seorang sejarawan yang unggul dan dijadikan sebagai suatu penanda aras yang sukar ditandingi oleh sesiapapun di kalangan sejarawan lain selepasnya hingga kini. Natijah kepada penghasilan karya ini, pensejarahan Islam dikatakan telah mencapai kemuncaknya kerana ianya dibuat dengan metode yang sangat teliti dan huraian serta isi kandungannya yang sangat holistik kerana disusun secara teratur menggunakan kaedah kronologi. Karyanya ini mencakupi peristiwa-peristiwa sejarah yang bermula dari kisah para anbiya' sehingga tahun 302H/914M dan kebanyakan maklumat diambil daripada sumber-sumber yang muktabar dan berautoriti (Wan Kamal Mujani 2014: 151; Mahayudin Yahaya 1989, 5: 1483).

2.0 NAMA PENUH DAN KELAHIRAN

Nama sebenar al-Tabari ialah Abu Ja'far Muhammad bin Jarir bin Yazid bin Kathir bin Ghalib al-Tabari (224-310H/838-923M) (al-Zirikli 2002, 6:2009; Badri Yatim. t.th. : 1; Bosworth 2000: 11; Taghri Birdi 1932, 3: 205). Sejarawan ini dilahirkan di sebuah tempat bernama Amul¹ dalam wilayah Tabaristan² (Iran). Walaupun para sejarawan

¹Amul merupakan ibu negeri bandar terbesar di Tabaristan, Iran (Lihat Yaqut al-Hamawi, *Mu'jam al-Buldan*, jil. 1. hlm. 57).

²Tabaristan merupakan sebuah negeri yang luas yang mana telah melahirkan beberapa tokoh ilmuan Islam yang hebat dalam pelbagai bidang. Di antara bandar utamanya ialah Dahestan, Jurjan, Istarbad dan Amul (Lihat Yaqut al-Hamawi, *Mu'jam al-Buldan*, jil. 4. hlm. 13).

bersepakat mengenai tempat kelahirannya, tetapi mereka berbeza pendapat pula tarikh sebenar beliau dilahirkan sebagaimana disebut oleh Muhammad Abu al-Fadl Ibrahim, selaku pentahqiq dalam muqaddimah Kitab Tarikh al-Tabari, jilid ke-2 (al-Tabari 1960, 1: 6) yang mengatakan bahawa sebahagian ulama' berkata beliau lahir pada akhir tahun 224H, manakala terdapat sebahagian yang lain mendakwa pada awal tahun 225H kerana disebabkan pada masa itu rekod kelahiran hanya dicatat berdasarkan peristiwa dan bukannya melalui tarikh sebagaimana pada masa kini.

Berdasarkan pemerhatian ini, jelaslah al-Tabari sejak usia muda telah berkecimpung dan menerokai dalam aspek kehidupan intelektual berbanding dengan rakan sebayanya yang lain. Usia remajanya banyak digunakan untuk mengumpul riwayat Arab dan Islam. Al-Tabari dilaporkan memenuhi aktiviti hariannya dengan belajar, mengajar dan menulis. °Ali bin °Uyad Allah al-Lughawi al-Simsimi menyatakan bahawa al-Tabari telah menghabiskan masa selama 40 tahun untuk mengarang dan setiap hari beliau menulis sebanyak 40 halaman (al-Dhahabi 1958, 2: 711; Kamal Mujani 2014: 152). Hal ini dapat dicermati dengan lebih jelas lagi berdasarkan apa yang disampaikan oleh anak muridnya iaitu Ibn Kumayl yang menerangkan bagaimana kehidupan gurunya al-Tabari membahagikan waktunya setiap hari. Kesungguhan dan kecintaan al-Tabari dalam bidang penulisan dan ilmu sangat hebat sehingga dilaporkan bahawa beliau istiqamah menulis sebanyak 40 halaman dalam satu hari. Beliau juga menyampaikan pengajian al-Quran dan tafsir di masjid pada setiap petang, sementara di sebelah malamnya pula selepas selesai menunaikan solat Maghrib di masjid, beliau akan meluangkan masa untuk mengajar fiqh terlebih dahulu sebelum pulang ke rumah (Badri Yatim. t.th. : 2),

3.0 PENDIDIKAN AWAL

Pendidikan awal di usia kecil dan remaja yang dilalui sangat penting dan berperanan bagi membentuk watak sikap dan hala tuju kehidupan seseorang manusia di masa hadapan sama ada akan menyerlah sebagai seorang insan yang boleh memberikan sesuatu kepada masyarakatnya atau ianya akan menjadi sebagai manusia biasa sahaja. Begitulah juga dengan al-Tabari yang membesar sebagai seorang ilmunan yang terbilang dan masyhur hasil kesempurnaan pendidikan yang diterimanya sejak kecil sehingga

dewasa. Al-Tabari sangat beruntung kerana mendapat pendidikan secara langsung daripada bapa beliau iaitu Jarir bin Yazid. Keprihatinan dan usaha yang tidak pernah jemu ayah beliau dalam memberi pendidikan dan pentarbiahan agama dan kerohanian sejak kecil membuahkan hasil lumayan sebagaimana yang diharapkan apabila al-Tabari berjaya menunjukkan kecerdikan beliau menghafal al-Quran ketika usianya tujuh tahun dan diiktiraf sebagai imam walaupun ketika itu masih berusia lapan tahun serta menulis hadith sewaktu berumur sembilan tahun (al-Tabari 1989, 1:13-15; al-Hamawi 1993, 1: 2446) yang menyatakan:

"...ثم قال لي : كم لهذا السنة؟ قلت : تسع سنين، قال : لم لم تسمعه مني شيئاً؟ قلت : كرهت صغره وقلة أدبه؟ فقال لي : حفظت القرآن ولي سبع سنين، وصليت بالتاس وأنا ابن ثماني سنين، وكتبت الحديث وأنا ابن تسع سنين، قال : ورأى لي أبي في النوم أني بين يدي رسول الله، وكانت معي مخلاة مملوءة حجارة، وأنا أرمى بين يديه، فقال له المعبر : انه ان كبر نصح في دينه وذبح عن شريعته.... "

Terjemahan:

Aku telah menghafal al-Quran sewaktu berusia tujuh tahun, dan aku telah bersolat dengan mengimami manusia sedangkan usiaku baru mencecah lapan tahun, dan aku telah menulis hadith ketika umurku meningkat sembilan tahun. Ayahku telah melihatku dalam mimpi di mana aku betul-betul berada di hadapan Rasulullah dan bersamaku sebuah bekas yang berisi batu, lalu aku melempar dengan batu tersebut di hadapan Rasulullah. Kemudiannya dikatakan kepada ayahku "Sesungguhnya anakmu apabila besar akan mengetahui pelbagai disiplin ilmu agama dan akan sentiasa menjaga dan membela syariat Islam.

Hal ini tidak menghairankan kerana beliau mempunyai kecerdasan akal yang sangat menonjol dan juga kerana ramai para ulama terkenal berada di Tabaristan sehingga bandar ini subur dengan ilmu sama ada ulama tafsir, hadith, fiqh, Bahasa dan kesusasteraan Arab, geografi dan sejarah. Sejak kecil juga, al-Tabari diasuh dan dididik untuk mendalami khazanah ilmu Islam dan pengajian mengenai budaya dan sosiologi

masyarakat Arab. Maka tidak hairanlah, apabila meningkat dewasa, beliau telah mahir dan menguasai hampir semua bidang keilmuan Islam sama ada dalam bidang pengajian Islam dan juga akademik bagi memudahkan beliau terjun ke dalam masyarakat yang sangat dahagakan ilmu pengetahuan pada waktu itu.

4.0 MAZHAB

Pada awalnya al-Tabari cenderung kepada Mazhab Shafi'i dan dikatakan selama 10 tahun beliau mengambil pendekatan mazhab ini ketika memberi fatwa dan menjadikannya sebagai rujukan dalam setiap isu dan permasalahan yang dibangkitkan ketika berada di Baghdad sebelum membina pandangannya sendiri (al-Subkiyy 1964, 3:123). Beliau pada awalnya tertarik untuk berpegang dengan Mazhab Shafi'i apabila mendalami fiqh Mazhab Shafi'i bersama dua tokoh mazhab ini di Baghdad yang sangat terkenal iaitu al-Hasan bin Muhammad al-Sibah dan Abu Sa'id al-Istakhariyy. Menyentuh mengenai fiqh mazhab ini juga, diceritakan oleh al-Tabari (1960, 11) bahawa beliau mempelajari fiqh semua mazhab secara umum dan fiqh Mazhab Shafi'i secara khusus sehingga beliau menjadikannya sebagai mazhab pegangannya dan memberikan fatwa serta hukum berdasarkan mazhab ini selama 10 tahun di Baghdad. Punca peralihannya kepada mazhabnya sendiri selepas itu ialah disebabkan timbulnya banyak masalah yang rumit yang perlu dirujuk kepada kitab yang kebanyakannya agak panjang dan tebal. Kemudiannya, hasil pengkajian dan pemerhatiannya yang mendalam, beliau akhirnya mengishtiharkan pandangan dan ijtihad sendiri sehinggalah muncul mazhab beliau sendiri yang diterima baik oleh masyarakat pada waktu itu. Kitab yang menjadi rujukan utama mazhab beliau yang dikarang sendiri oleh al-Tabari dan menggambarkan kedudukan mazhabnya ialah *Kitab Latif al-Qawl*, mengandungi 83 Bab kesemuanya

5.0 GURU DAN MURID

Berdasarkan laporan beberapa orang sejarawan seperti (al-Baghdadi 2002, 2:548; Wan Kamal Mujani 2014: 152), al-Tabari mempunyai sejumlah guru dan murid yang sangat ramai. Di antara guru-guru al-Tabari ialah Muhammad bin 'Abd al-Malik bin Abi al-Shawarib, Ishak bin Abi Isra'il, Ahmad bin Mani' al-Baghawi, Abu Hammam al-Walid

bin Shuja^c, Abu Karib Muhammad bin al-A^cla, Abu Sa^cid al-Ashaj, Muhammad bin Bashshar atau lebih dikenali sebagai Bundar, Ya^cqub bin Ibrahim bin al-Kathir al-Dawraqi, Ahmad bin Hammad al-Dawlabi, Salamah bin al-Fadl, Ahmad bin Hamid al-Razi, Muhammad bin Musa al-Harashy, ^cImad bin Musa al-Qazzaz, Bashr bin Mu^caz, Sulayman bin Khallad al-Talhy, Ahmad bin Yusuf al-Taghlabi al-Muqri', al-Hasan bin Muhammad al-Sibah, Isma^cil bin Ibrahim al-Muzani, al-Rabi^c bin Sulayman, Abu al-Hasan al-Siraj al-Misry, Abi Muqatil, Muhammad bin Humayd al-Razi, Muthanna bin Ibrahim al-Ibily, Abu Sa^cid al-Istakhariy, Muhammad bin ^cAbd al-A^cla al-Sun^cani, Abi Ash^cadz, Muhammad bin al-Muthanna, Hannad bin al-Sariy, Isma^cil bin Musa al-Suda, Abu Kurayb Muhammad bin al-Ala' al-Hamdhany, Ibrahim Abi Kurayb, Muhammad bin ^cAbd Allah bin al-Hakam dan saudaranya, ^c 'Abd al-Rahman bin ^cAbd Allah bin Hakam, al-^cAbbas bin al-Walid al-Bayruti al-Muqriy, Muhammad bin Ishak bin Khuzaymah, Muhammad bin Nasr al-Marwazi, Muhammad bin Harun al-Ruyaniy Aba Humam al-Sukuni, Hasan bin Shabah al-Za^cfarani dan Abi Sa^cid al-^cAskary (guru fiqh Shafi^c)

Kehebatan al-Tabari dalam bidang intelektual telah menempatkan beliau sebagai cendekiawan terulung di Baghdad. Hal ini terbukti apabila melihat kepada bilangan anak didiknya yang ramai bagi meneruskan kesinambungan dan menyemarakkan kegemilangan bidang kesarjanaan ketika itu. Bahkan, ianya bagi satu rahmat kepada umat Islam ketika itu yang memerlukan sarjana berwibawa dan berjiwa besar seperti beliau. Antara anak didik Ibn al-Khatib yang paling masyhur seperti yang dinukilkan oleh (al-Tabari 1960, 1: 11) ialah ^cAli bin ^cAbd ^cAziz al-Dawlaby, Abu al-Hasan Ahmad bin Yahya bin ^cAli bin Yahya al-Munajjim yang menghasilkan *Kitab al-Madkhal ila Madhhab al-Tabari*, Abu Bakr bin Kamil yang menghasilkan *Kitab Jami^c al-Fiqh*, *Kitab al-Shurut*, *Kitab al-Wuquf*, Abu al-Farj al-Mu^cafi bin Zakariyya al-Nahruwaniyy yang lebih dikenali sebagai al-Jariri. Kesemua tokoh-tokoh ini adalah pendokong kuat mazhab beliau. Sementara itu menurut Wan Kamal Mujani (2014: 152) yang mengambil laporan daripada (al-Nawawi t.th. 1: 78; Ibn Hajar 1971, 5: 101; al-Dhahabi 1956, 2: 278), terdapat ramai lagi anak-anak murid beliau seperti Ahmad bin Kamil al-Qadi, Muhammad bin Abd Allah al-Shafi^ci, Makhlad bin Ja^cfar, Ahmad bin Abi Talib al-Katib, Muhammad bin Ja^cfar, Abu al-Qasm al-Tabrani, ^cAbd al-Ghaffar al-Husayni, Abu ^cAmru bin Hamthan, ^cAli bin ^cAbd al-^cAziz al-Dulabi, Abu Bakr

Muhammad bin Ahmad bin Muhammad bin Abi al-Thalj, Abu Husayn bin Yunus dan Abu Ishaq Ibrahim bin Habib.

6.0 SIFAT DAN PERWATAKAN

Al-Tabari bukan sahaja mempunyai keistimewaan yang tinggi dalam bidang keilmuan dan keintelektualan tetapi ianya perlu diadun dan dicanai dengan adanya sifat-sifat mulia dan perwatakannya yang sangat terpuji.

6.1 Warak

Sifat warak inilah jika ada pada diri manusia akan membawa mereka kepada ketaqwaan dan kejayaan di dunia mahupun di akhirat. Hal inilah yang berlaku kepada al-Tabari apabila beliau sangat mengutamakan sifat warak dalam kehidupannya. Dikatakan beliau sangat memelihara dan sentiasa istiqamah dalam membaca al-Quran serta sering melakukan istikharah dan munajat kepada Allah sebelum melakukan sesuatu pekerjaan. Beliau juga akan menjadikan matlamat akhirat sebagai fokus utama dalam kehidupan dan langsung tidak memandang kemewahan dan keseronokan dunia yang boleh merosakkan manusia. Kerana sifat waraknya juga, Khalifah Abu al-Fadl Ja'far al-Muqtadir telah menaruh kepercayaan kepadanya untuk menulis kitab fiqh tentang wakaf yang dapat mengumpulkan pendapat-pendapat yang disepakati oleh para ulama dalam masalah tersebut (Ibn Kathir 1997, 14: 848).

6.2 Tawaduk

Al-Tabari juga sangat dikenali dan dihormati sebagai insan yang penuh dengan tawaduk walaupun telah mencipta nama yang hebat ketika itu. Atas sebab inilah, beliau sangat mudah didekati dan didampingi terutama oleh murid-muridnya dan meluangkan waktu untuk bersama dengan mereka. Di antara bukti tawaduk beliau juga ialah apabila berjaya dalam sesuatu perbincangan ilmiah dengan mana-mana ulama', beliau tidak akan berbangga diri sebaliknya akan mendiamkan perkara tersebut supaya tidak diketahui oleh sesiapaupun.

6.3 Kaya Jiwa

Jiwa yang kaya akan mengangkat darjat dan kemuliaan pengamalnya. Mereka tidak akan mudah dibeli dengan habuan wang ringgit dan kedudukan dunia. Realitinya, sifat ini sudah tertanam dalam diri al-Tabari sejak kecil lagi dan ini tidak menghairankan kerana peranan cukup besar yang telah dimainkan oleh ayah beliau pada waktu itu. al-Tabari menolak untuk menerima apa-apa imbuhan yang ditawarkan oleh Khalifah Abu Fadl Ja'far sebagai balasan di atas usaha al-Tabari menghasilkan penulisan dalam masalah wakaf yang menjadi isu pada waktu itu. Beliau juga dikatakan telah menolak jawatan hakim yang ditawarkan kepadanya kerana ingin meluangkan masa mengajar dan menulis (Kashif 1983, 64). Pernah juga ketika ayahnya agak terlewat menghantar wang perbelanjaan harian sewaktu berkelana menuntut ilmu, beliau mengambil pendirian untuk tidak meminjam daripada mereka yang dikenalnya sebaliknya menjual sebahagian bajunya di pasar kerana prinsipnya yang lebih rela memilih mati daripada berhutang dengan manusia atau meminta makanan daripada mereka.

Bila musim panas tiba, al-Tabari hanya memakan kurma yang dicampur dengan minyak. Tempat tidurnya hanya beralaskan kain yang nipis. Jika selepas solat zuhur ia akan menulis sehingga empat puluh halaman yang dilakukannya selama 40 tahun, maka setiap kali masuknya waktu Asar beliau akan bergegas ke masjid untuk berjamaah serta mengaji al-Quran. Al-Tabari tidak mementingkan dirinya sendiri tetapi turut menawarkan kepada masyarakat kelebihan yang ada padanya supaya dapat dimanfaatkan bagi masyarakat sekitarnya. Beliau menyediakan waktu khusus mengajarkan ilmunya, yakni setelah menunaikan solat Maghrib hingga selesai waktu Isyak. Kesimpulannya, walaupun beliau sangat terkenal dan masyhur melalui karya dan penulisannya, namun al-Tabari sentiasa menjadi orang yang sederhana. Beliau berusaha menjauhi kehidupan duniawi dan lebih suka memilih kehidupan zuhud, wara^c dan tawadu^c serta kaya jiwa.

7.0 LATAR BELAKANG KELUARGA

Nama penuh bapa beliau ialah Jarir bin Yazid bin Khalid bin Kathir bin Ghalib (Ibn Khallikan 1968, 4: 191) yang juga berketurunan Parsi dan berasal daripada Tabaristan. Beliau seorang yang agak berada sehingga mampu memberikan pendidikan yang begitu terancang dan sempurna kepada al-Tabari sewaktu usia remajanya, Begitu juga beliau dapat menanggung penuh segala perbelanjaan yang diperlukan sewaktu al-Tabari melakukan pengembaraan ilmiahnya ke serata ceruk dunia Islam bagi memperkasakan keilmuannya. Keghairahan Jarir untuk melihat al-Tabari berjaya bukanlah sesuatu yang pelik kerana Jarir sendiri seorang yang wara^c, zuhud dan berpegang teguh dengan agama serta sangat cintakan majlis ilmu dan para ulama. Beliau sering mendampingi mereka dalam sebarang majlis ilmu memandangkan iklim dan kota Tabaristan ketika itu yang sangat bercahaya dengan ketinggian ilmu para ulama'nya dalam pelbagai bidang. Walau bagaimanapun, setakat pemerhatian ini, penulisan mengenai ibu al-Tabari tidak disentuh oleh para sejarawan.

8.0 KEMATIAN DAN TEMPAT PEMAQAMAN

Beliau wafat di Baghdad pada hari Isnin, 27 Syawal tahun 310 Hijrah bersamaan 17 Februari tahun 923 Masihi. Sementara itu (al-Hamawi 1993, 6: 2441) yang mengambil pandangan al-Khatib al-Baghdadi menyatakan bahawa beliau meninggal pada 26 Syawal tahun 313 Hijrah pada hari Sabtu dan disolatkan serta dimaqamkan keesokan harinya oleh jutaan manusia, bahkan mereka tidak putus-putus mengadakan solat di atas kuburnya sehingga beberapa bulan kerana penghormatan yang tidak terhingga di atas pemergian ulama yang disayangi ini. Walau bagaimanapun menurut Ibn al-Athir (1987, 7: 8-9) ada juga pandangan yang mengatakan bahawa beliau dikebumikan di sebelah malam dalam rumahnya kerana orang ramai menghalangnya dikebumikan di sebelah siang kerana dituduh berfahaman syi^cah dan tidak beragama. Sementara itu, mengikut Ibn Khallikan (1968, 4: 192) pula, beliau bersetuju dengan pandangan Ibn Yunus dalam Kitab Tarikh Misr al-Mukhtassu bi al-Ghuraba' yang menegaskan bahawa kematiannya berlaku di Baghdad dan dimaqamkan di sana bukannya di Mesir sebagaimana disangka oleh kebanyakan orang ramai berikutan kekeliruan terdapat sebuah maqam yang bertulis "ini kubur Ibn Jarir al-Tabari".

9.0 PERJALANAN ILMIAH

Sebagaimana dinyatakan di awal, al-Tabari sangat beruntung kerana bukan sahaja mempunyai seorang ayah yang sangat prihatin dengan pendidikan beliau tetapi lebih daripada itu ialah bapanya, Jarir seorang yang agak berada pada zaman di mana peradaban dan keilmuan Islam sedang berkembang dan meningkat. Dengan kelebihan inilah beliau dapat memastikan al-Tabari mendapat peluang pendidikan yang secukupnya malahan berupaya menghantar al-Tabari untuk mendapatkan pengajian di seluruh dunia Islam pada waktu itu dengan menanggung segala perbelanjaan dan kos yang diperlukan bagi sebuah pengembaraan dan perjalanan yang panjang. Setelah menekuni asas agama di kampung halamannya, beliau mengambil keputusan merantau ke luar daerah dengan menjadikan al-Rayy³ sebagai persinggahan pertamanya sebelum meneruskan perjalanan ke kota Baghdad dan kawasan-kawasan yang berdekatan dengannya. Di sini beliau berkesempatan mempelajari ilmu fiqh Iraq daripada Abi Muqatil dan juga bersama dengan Ahmad bin Hammad al-Dawlaby mempelajari Kitab al-Mubtada'. Seterusnya beliau mempelajari Kitab al-Maghazi karangan Ibn Ishak daripada Salmah bin al-Fadl. Berbekalkan kefahamannya dalam Kitab Ibn Ishak inilah beliau menghasilkan Kitab Tarikh al-Tabari yang sangat dikenali selepas itu (al-Tabari 1960, 7; al-Hamawi 1993, 6: 2446). Beliau juga berkesempatan menuntut ilmu hadith dengan Muhammad bin Humayd al-Razi (248H/862M), seorang sarjana besar yang mengajar hadith pada waktu itu sehingga dikatakan al-Tabari telah berjaya menulis lebih daripada 100,000 hadith daripada Humayd. Di samping itu tidak ketinggalan beliau bertalaqqi dengan Mutsanna bin Ibrahim al-Ibily dan beberapa orang guru hadith yang lain.

Sementara itu pada masa yang sama dunia kesarjanaan pada masa itu juga bercahaya dengan kerlipan sebutir bintang yang bernama Ahmad bin Hanbal yang menumpahkan ilmunya di Baghdad. Bagi al-Tabari, peluang dan kesempatan menjadi salah seorang anak murid Ahmad bin Hanbal memang tidak boleh dilepaskan. Justeru,

³Al-Rayy merupakan bandar tertua dan mercu utama di Iran. Mempunyai pokok buah-buahan yang banyak dan menjadi laluan mereka yang menggunakan jalan darat menunaikan ibadat Haji (Lihat Yaqut al-Hamawi, *Mu'jam al-Buldan*, jil. 3. hlm. 116).

dengan penuh keazaman beliau meneruskan pengembaraan ke Baghdad dan bercadang menuntut ilmu fiqh dan hadith dengan Ahmad bin Hanbal yang sangat terkenal dan masyhur ini, namun hajatnya tidak kesampaian apabila Imam Ahmad terlebih dahulu meninggal dunia sejeurus sebelum beliau tiba di bumi Baghdad. Walaupun hajatnya untuk berguru dengan Imam Ahmad bin Hanbal terhenti di tengah jalan, tetapi itu tidak mematahkan semangatnya untuk terus menimba ilmu dengan lain-lain ulama' yang hebat. Persinggahan seterusnya ialah di Basrah. Di sini, al-Tabari menghabiskan masanya bersama beberapa orang lagi guru yang terkenal seperti Muhammad bin Musa al-Harashiyy, 'Imad bin Musa al-Qazzaz, Muhammad bin 'Abd al-A'la al-Sun'aniyy (255H/869M), Bashr bin Mu'az, Abi Asy'adz dan Muhammad bin Bashshar (252H/866M) atau lebih dikenali sebagai Bundar dan juga Muhammad bin al-Muthanna (al-Tabari 1960, 7).

Setelah lama berkelana di Basrah, kehairahan al-Tabari menceduk dan menggali ilmu semakin meluap-luap, lalu menyambung destinasi perjalanan ke Kufah untuk mengambil keberkatan dengan ulama' di sana. Al-Tabari mendapat peluang yang amat dinantikannya apabila dapat meneruskan pengajiannya dengan beberapa tokoh ilmuan seperti Hannad bin al-Sariyy, Isma'el bin Musa al-Suda (guru hadith), Sulayman bin Khallad al-Talhiyy (guru qiraat) dan seorang lagi ulama' hadith tersohor iaitu Abu Kurayb Muhammad bin al-'Ala' al-Hamthaniyy (248H/861M), yang mana al-Tabari sekali lagi berjaya mempelajari lebih daripada 100,000 hadith daripadanya (al-Hamawi 1993, 6: 2447):

"...وكان الناس يسمعون به فيقال انه سمع من أبي كريب أكثر من مائة ألف حديث...."

Kemudian al-Tabari kembali semula ke Baghdad buat kali kedua dan menghabiskan masa selama lapan tahun di sana termasuk menjadi pengajar kepada 'Ubayd Allah bin Yahya bin Khaqan, iaitu anak kepada Khalifah al-Mutawakkil di antara tahun 244H/858M hingga 248H/862M. Seterusnya beliau menumpukan pengajian ilmu al-Quran bersama Ahmad bin Yusuf al-Taghlabiyy al-Muqri' dalam tempoh yang agak lama. Atas minat yang tidak pernah bertepi, al-Tabari mengembangkan lagi langkahannya apabila mendalami fiqh Mazhab Shafi'î bersama dua tokoh mazhab ini yang sangat terkenal iaitu al-Hasan bin Muhammad al-Sibah dan Abu Sa'id al-

Istakhariyy. Hasilnya, beliau dilaporkan memilih untuk mengikuti mazhab ini dan sering berfatwa dan menjadikannya sebagai rujukan dalam setiap isu dan permasalahan yang dibangkitkan ketika berada di Baghdad. Pada masa ini juga terdapat beberapa tokoh utama lain dalam Mazhab Shafi'i yang menetap di Mesir seperti Isma'il bin Ibrahim al-Muzani, al-Rabi' bin Sulayman, Muhammad bin 'Abd Allah bin al-Hakam dan saudaranya, 'Abd al-Rahman bin 'Abd Allah bin Hakam yang mendorong al-Tabari untuk berkunjung ke Mesir bagi melengkapkan lagi kefahamannya dalam Mazhab Shafi'i. Dalam perjalanan ke Mesir, al-Tabari terlebih dahulu mengambil kesempatan untuk singgah di Bayrut dan berguru dengan al-'Abbas bin al-Walid al-Bayrutiyy al-Muqri', seorang guru al-Quran yang terkenal. Beliau sanggup bermalam di dalam masjid jami' selama tujuh malam, tetapi kesungguhannya amat berbaloi kerana hasilnya beliau mampu menghabiskan bacaan al-Quran dengan riwayat penduduk Sham.

Perjalanan perlu diteruskan walaupun hati amat berat meninggalkan bumi Sham. Berbekalkan keazaman yang tinggi sekali lagi kembara ilmu diteruskan ke tempat yang diidam-idamkannya iaitu bumi Mesir. Akhirnya beliau berjaya juga menjejakkan kaki ke bumi Mesir pada tahun 253H. Setelah sampai, guru pertama yang dicari dan didapatkannya ialah Abu al-Hasan al-Sarraj al-Misriyy yang merupakan seorang pakar khusus ilmu bahasa dan kesusasteraan Arab pada waktu itu, selain menguasai juga bidang fiqh, hadith dan syair. Dikatakan sesiapa sahaja yang memasuki Mesir tidak akan melepaskan peluang untuk belajar daripadanya. Selain al-Misriyy, sepanjang berada di Mesir al-Tabari berjaya mendampingi beberapa ulama' hebat yang lain seperti Muhammad bin Ishak bin Khuzaymah, Muhammad bin Nasr al-Marwaziyy dan Muhammad bin Harun al-Ruyaniyy (al-Baghdadi 2002, 2:548). Peluang yang terhidang di Mesir juga digunakan sebaik mungkin untuk mendalami lagi fiqh Mazhab Shafi'i dengan al-Rabi' bin Sulayman dan al-Muzani yang sangat dikenali ketika itu dan merupakan murid paling kanan Imam Shafi'i. Beliau begitu beruntung kerana dapat menekuni ilmu hadith daripada para Muhaddith dan ilmu qiraat seperti Yunus bin 'Abd al-'Ala (264H/877M).

Lama merantau di Mesir, kerinduan kepada bumi Baghdad mulai meruntun jiwa. Justeru, al-Tabari pulang semula ke Baghdad dan mengambil keputusan untuk menetap di sana setelah banyak menghabiskan masa menimba pengetahuan dan

mencari pengalaman. Setelah itu, pada tahun 867 beliau kembali buat kali kedua ke Fustat, Mesir. Kemudiannya beliau kembali lagi ke Baghdad sehinggalah meninggal dunia di sini. Selama berada di Baghdad, beliau pulang ke Tabaristan sebanyak dua kali (Mahayudin Yahaya 1989, 5: 1483).

10.0 SUMBANGAN DALAM BIDANG PENULISAN

Hampir kesemua kitab Tarajum menyifatkan al-Tabari sebagai seorang tokoh ilmu yang terkenal dalam pelbagai bidang seperti fiqh, tafsir, hadith dan sejarah serta menghafal al-Quran. Menurut (Al-Hamawi 1993, 6: 2441--2442; Al-Dhahabi 1958, 2: 711) menyatakan

"...وكان احد أئمة العلماء، يحكم بقوله ويرجع الى رأيه لمعرفة وفضله، وكان قد جمع

من العلوم ما لم يشاركه فيه أحد من أهل عصره، فكان حافظا لكتاب الله....."

Secara tepat, belum terdapat maklumat yang tepat mengenai berapa jumlah buku yang berjaya dihasilkan oleh al-Tabari, tetapi apa yang pasti dari catatan sejarah telah membuktikan bahawa karya-karya al-Tabari meliputi semua bidang keilmuan, dan ada sebahagiannya yang sampai ke tangan kita. Sejumlah karya berdasarkan klasifikasi dan kategori bidang adalah seperti berikut:

10.1 Bidang Hukum dan fiqh

- a) *Kitab Adab al-Manasik.*
- b) *Kitab Mukhtasar Manasik al-Hajj.*
- c) *Kitab al-Salah.*
- d) *Kitab al-Taharah.*
- e) *Kitab al-Wasaya.*
- f) *Kitab al-Latif fi al-Fiqh.*
- g) *Kitab fi al-Radd 'Ala Ibn 'Abd al-Hakm.*
- h) *Kitab al-Khafif fi al-Fiqh.*
- i) *Kitab al-Athar fi al-Usul.*

- j) *Kitab Basit* – Kitab ini tidak sempat disempurnakan penulisannya.
- k) *Risalah al-Basir fi Ma'alim al-Din*.

10.2 Bidang al-Quran dan Tafsir

- a) *Kitab Jami' al-Bayan fi Tafsir al-Quran*.
- b) *Kitab fi Ibarat Al-Ru'ya*.

10.3 Bidang Hadith

- a) *Risalah al-Musammah bi Sarih al-Sunnah*.
- b) *Kitab al-Musnad al-Mujarrad*.
- c) *Kitab Musnad Ibn 'Abbas*.
- d) *Kitab 'Ibarah al-Ru'ya*.
- e) *Kitab Tahzib* – Kitab ini tidak sempat disempurnakan penulisannya.

10.4 Bidang Akidah

- a) *Kitab al-radd 'Ala zi al-Asfar*.
- b) *Kitab Dalalah*.
- c) *Kitab Fadail 'Ali Bin Abi Thalib* – Kitab ini belum sempurna ditulis.

10.5 Bidang Sejarah. Kitab paling terkenal ialah *Kitab Tarikh al-Umam wa al-Muluk*

Kitab Tarikh al-Rasul wa Al-Muluk - Kitab ini juga dikenali sebagai Tarikh al-Umam wa al-Muluk atau Tarikh al-Tabari. Kitab ini mendapat perhatian yang sangat besar dalam bidang sejarah sehingga tidak salah jika dibandingkan dengan sahih Bukhari dan Muslim dalam bidang hadith. Realitinya, kitab ini sudah diterbitkan dalam bentuk ringkasan dan diterbitkan di Leiden (Badri Yatim. t.th : 2) dan ini bukanlah calang-calang pengiktirafan yang dapat diraih oleh karyawan lain. Kitabnya yang asli berjumlah sepuluh jilid dan sepuluh kali lebih besar daripada ringkasannya itu. Untuk mengetahui kandungan kitab itu secara sempurna, amat memerlukan kepada rujukan

dan kajian para sejarawan mutakhir yang merujuk kepada karya al-Tabari dalam penulisan mereka. Kitab ini sememangnya terbukti mendahului zamannya apabila sudah diterjemah ke dalam Bahasa Parsi, Turki dan Arab.

Penghasilan kitab ini memberi impak yang sangat besar dalam sejarah Islam yang mana ramai para sarjana mengatakan bahawa pensejarahan Islam telah mencapai kemuncaknya melalui metode penulisan yang terancang dan kandungan maklumat sejarah yang begitu teliti. Kitab ini dicanai dengan adunan dan gabungan kitab-kitab sejarah yang ditulis oleh para sejarawan terdahulu seperti Muhammad bin Ishaq, Hisham bin Muhammad al-Kalbi, Muhammad bin °Umar al-Waqidi dan Ibn Qutaybah al-Dinawari serta menjadi sumber utama kepada para sejarawan terkemudiannya seperti al-Mas°udi (*Kitab Muruj az-Zahab*) dan Ibn al-Athir (*Kitab al-Kamil fi at-Tarikh*). Al-Tabari telah menulis kitab ini untuk untuk melengkapkan kitab tafsirnya, *Jami° al-Bayan*. Pada mulanya beliau berhasrat untuk mengarang 30,000 halaman tetapi telah dikurangkan kepada 3,000 halaman sahaja (Kashif 1983, 44).

Kitab Tarikh al-Rasul wa al-Muluk dapat dibahagikan kepada dua bahagian iaitu zaman pra Islam dan zaman Islam. Al-Tabari memulakan bahagian zaman pra Islam dengan menulis tentang zaman dan waktu yang telah dicipta oleh Allah, kemudiannya diikuti dengan penciptaan Nabi Adam a.s dan kisah Qabil dan Habil. Al-Tabari seterusnya membicarakan kisah-kisah para Anbiya' seperti Nabi Nuh a.s, Nabi Ibrahim a.s, Nabi Luth a.s, Nabi Isma°il a.s, Nabi Ishaq a.s sehinggalah Nabi °Isa a.s. Di samping itu, beliau juga menceritakan mengenai raja-raja Yaman dan Rom serta memberi liputan meluas kepada para pemerintah Parsi seorang demi seorang. Riwayat yang berhubung dengan dengan sejarah Parsi ini diambilnya daripada naskhah berbahasa Arab tentang raja-raja Parsi yang diterjemahkan oleh Ibn al-Muqaffa. Al-Tabari kemudiannya melanjutkan penulisannya mengenai kisah kelahiran Rasulullah s.a.w. diikuti peristiwa-peristiwa yang dilalui oleh baginda sejak usia kanak-kanak sehinggalah sebelum saat dilantik menjadi Rasul. Beliau tidak ketinggalan membicarakan mengenai keturunan Rasulullah s.a.w dengan mencatatkan maklumat berkaitan °Abd al-Muttalib, Hashim, °Abd Manaf, Qusay, Kilab, dan seterusnya sampai kepada °Adnan. Fasa penulisan ketika ini lebih bertemakan penggunaan tajuk-tajuk khusus. Peristiwa-peristiwa yang berlaku pada zaman Islam pula disusun secara kronologi dan merangkumi peristiwa

yang berlaku pada zaman Rasulullah s.a.w, zaman Khulafa' al-Rashidin, zaman Bani Umayyah dan zaman Bani 'Abbasiyyah sehingga tahun 302H/914M (Wan Kamal Mujani 2014: 154).

Dalam mengumpulkan bahan-bahan sejarah ini, al-Tabari merujuk kepada riwayat-riwayat yang belum dibukukan lagi ataupun daripada sumber lisan melalui *Akhbar Ayyam al-'Arab* sebelum Islam yang disandarkan kepada riwayat-riwayat Hisham bin Muhammad al-Kalbi. Sementara itu, dalam pengkisahan *al-'Arab al-Ba'idah* seperti kaum "Ad dan Thamud pula, beliau mengambil maklumat daripada pelbagai kitab tafsir seperti *Kitab al-Sirah al-Nabawiyyah* tulisan Muhammad bin Ishaq serta hasil-hasil karya Hisham bin Muhammad al-Kalbi, al-Harith bin Muhammad al-Kufi, Abu Karib Muhammad bin al-A'la al-Hamdani dan Muhammad bin Hamid. Bagi sejarah Yaman pula, beliau mengambilnya daripada riwayat Wahb bin Munabbih. Mengenai hubungan masyarakat Islam dan Parsi, al-Tabari merujuk kepada riwayat Hisham bin Muhammad al-Kalbi dan al-Haytham bin 'Ady manakala peristiwa Peperangan Dhi Qar pula diambil daripada al-Qasim bin al-Hasan

Al-Tabari mencatat Sirah dan *Maghazi* Rasulullah s.a.w berdasarkan riwayat-riwayat 'Urwah bin al-Zubayr, Shurahbil bin Saa'd, 'Asim bin 'Umar bin Qatadah, Muhammad bin Muslim al-Zuhri, Musa bin 'Uqbah, Muhammad bin Ishaq, Muhammad bin 'Umar al-Waqidi dan Muhammad bin Sa'ad. Beliau turut mengambil riwayat-riwayat Sayf bin 'Umar dan al-Mada'ini tentang *al-Riddah* dan *Futuh al-Islamiyyah*. Al-Tabari juga merujuk buku-buku yang ditulis oleh Abu Mikhnaf, Sayf bin 'Umar dan al-Mada'ini tentang pertempuran Jamal dan Siffin. Sejarah kerajaan Bani Umayyah pula dirujuk kepada riwayat-riwayat 'Awanah bin al-Hakam, Abu Mikhnaf, Hisham bin Muhammad al-Kalbi, Muhammad bin 'Umar al-Waqidi, 'Umar bin Syabbah dan al-Mada'ini. Manakala sejarah kerajaan Bani 'Abbasiyyah dirujuk kepada Ahmad bin Abi Khaytamah, Ahmad bin Zuhayr, 'Umar bin Rashid, al-Haytham bin 'Ady, Muhammad bin 'Umar al-Waqidi dan al-Mada'ini.

Metode penulisan al-Tabari dipengaruhi dengan kedudukannya sebagai ahli hadith. Beliau begitu prihatin menyebut rantaian sanad bagi setiap riwayat. Melalui pendekatan ini, al-Tabari meletakkan kesahihan akhbar yang disampaikan

berdasarkan kesempurnaan rangkaian sanad. Penilaian utama ditumpukan kepada sanad dan tidak kepada akhbar yang diriwayatkannya. Selain itu beliau turut mencatatkan riwayat-riwayat yang berbeza tentang sesuatu peristiwa untuk tujuan perbandingan dan tidak memberi sebarang komentar tentang riwayat-riwayat tersebut dan bersikap kecuali mengenai sesuatu pertikaian. Realitinya, al-Tabari telah menjelaskan kaedah penulisan yang digunakannya di halaman pendahuluan dengan menceritakan bahawa beliau hanya sekadar menyampaikan riwayat yang diterima daripada seorang perawi tanpa menokok tambah atau memberi ulasan terhadapnya. Al-Tabari turut meriwayatkan akhbar yang mengandungi unsur-unsur cerita dongeng dan *Isra'iliyat* terutamanya pada zaman pra Islam. Beliau juga mengambil riwayat-riwayat mereka yang tidak *thiqah* seperti Abu Mikhnaf dan Sayf bin °Umar. Tujuannya ialah supaya dapat memberi kepelbagaian gambaran kepada para pembaca mengenai sesuatu peristiwa dan membiarkan mereka sendiri yang menilai kesahihannya berdasarkan kepada perawi-perawin dan membandingkannya dengan riwayat-riwayat yang lain. Secara umumnya al-Tabari telah memperlihatkan gaya penulisan yang lebih berkonsepkan metode ahli-ahli hadith.

Kitab Jami° al-Bayan fi Tafsir al-Quran – Kitab ini juga turut dikenali sebagai Tafsir al-Quran atau at-Tafsir atau Tafsir al-Tabari. Untuk penulisan tafsir ini, metode penulisan yang digunakan oleh al-Tabari ialah berlandaskan tafsir Bil-ma'thur (Tafsir al-Quran dengan al-Quran, hadith dan ijthihad sahabat), Baginya tafsir yang paling baik ialah tafsir yang menghargai pendapat para sahabat dan tabi°in. Di samping hadith, beliau juga mengambil pengertian Bahasa sebagai sumber yang kuat dalam menafsirkan ayat al-Quran. Dalam usahanya ini, kitab tafsirnya merupakan sebuah karya yang sangat berharga kerana berupaya menjadi pelengkap kepada kitab tafsir yang pernah ditulis sebelumnya. Kitab Tafsir al-Tabari ini sehingga kini masih dimanfaatkan oleh para cendekiawan dan ilmuan Islam kerana karyanya ini merungkai penemuan-penemuan hokum akidah dan fiqh yang disimpulkan melalui ayat al-Quran.

Penafsiran bi al-Ma'thur adalah salah satu model tafsir yang paling utama dan tertinggi kedudukannya jika dibandingkan dengan model tafsir yang lain, kerana menafsirkan al-Quran menggunakan kalam Allah sendiri, perkataan Rasulullah s.a.w., dan riwayat para sahabat. Ini kerana hanya Allah sahaja yang lebih mengetahui maksud

dan ucapan-Nya, manakala perkataan Rasulullah sebagai perinciannya dan para sahabat pula adalah orang-orang yang menyaksikan turunnya ayat-ayat Al-Quran. Penafsirannya akan diperkuat dengan riwayat-riwayat dan jika pada penafsiran itu banyak pendapat, maka beliau akan menceritakan semua pendapat tersebut, ia tidak semata-mata menyebutkan riwayat saja tetapi kadang dijelaskan secara rinci dan pada gilirannya mentarjih riwayat-riwayat tersebut.

11.0 KEDUDUKAN PADA PANDANGAN ULAMA ISLAM

Sebagai seorang sejarawan terulung, banyak ulama yang memuji keistimewaan al-Tabari. Di antara ucapan yang sering disebut ialah beliau merupakan seorang yang alim dan sangat dipercayai. Sebagai salah seorang imam besar Ahli Sunnah wa al-Jamaah, pendapatnya menjadi rujukan dan diambil sebagai sandaran. Sementara itu, keluasan ilmunya dapat dimanfaatkan oleh generasi kemudian apabila beliau meninggalkan sejumlah karya bermanfaat (Mani^c Abd Halim Mahmud, 2006: 67.). Menurut Ibn Kathir (1999 14: 846), Al-Tabari sangat fasih berbicara dan mengumpulkan perbendaharaan serta khazanah ilmu daripada pelbagai ulama'. Ini tidak menghairankan kerana beliau telah melakukan perjalanan ilmiah ke seluruh dunia Islam sehingga berjaya menjadi ahli dan pakar dalam bidang hadith, sejarah dan tafsir serta selainnya. Di dalam Kitab Lisan al-Mizan pula, al-Hafiz Ibn Hajar al-^cAsqalani (2002, 5: 100) mengangkat dan menyanjungi al-Tabari khususnya kepakaran beliau sebagai seorang mufassir sebagaimana dibuktikan olehnya ketika mengarang Kitab Tafsir al-Tabari.

Menurut al-Zahabi (1963, 3: 499), al-Tabari merupakan seorang ulama' besar yang sangat disegani dan dihormati. Tidak selayaknya kita menuduh beliau dengan berdusta dan mengikut hawa nafsu sebaliknya menjadikan kata-katanya sebagai pedoman dan panduan untuk diikuti. Menurut Ibn al-Athir (1980, 2: 274) pula mengiktiraf al-Tabari sebagai seorang ulama besar yang mempunyai kelas tersendiri dalam bidang tafsir, hadith, fiqh dan sejarah yang tiada tandingannya. Sementara itu, al-Jawzy (1992, 13: 215) merumuskan bahawa al-Tabari telah menghimpunkan semua keilmuan yang ada di dada kesemua sarjana Islam pada waktu itu. Beliau bukan sahaja menghafal al-Quran tetapi menguasai makna dan falsafahnya serta pakar dalam bidang

hadith. Dari aspek fiqh pula, beliau sangat mendalami segala hukum dan perbincangan para ulama' mazhab serta perbincangan yang berlaku sesama mereka.

Kesimpulannya, kesemua kitab *Tarajum* menukilkan bahawa al-Tabari sebagai seorang yang *thiqah* dan riwayat-riwayat sejarah beliau adalah sahih. Antara ulama yang telah menyifatkannya *thiqah* ialah 'Izz al-Din bin Athir, Ibn Hajar al-^cAsqalani dan Shams al-Din al-Dhahabi.

12.0 KESIMPULAN

Memang tidak dapat dinafikan lagi, Al-Tabari merupakan seorang tokoh ilmuwan yang muncul pada sekitar abad ke-9 yang tiada tolak bandingnya pada masa itu. Beliau seorang ilmuwan yang pakar dalam pelbagai dan disiplin ilmu terutama sejarah dan tafsir bermula dengan hasil didikan dan asuhan oleh ayahnya sejak dari kecil. Kepakaran beliau dalam pelbagai cabang ilmu menjadikan al-Tabari seorang yang istimewa dan disanjung oleh masyarakat, terutama masyarakat yang tinggal di Tabaristan, iaitu negeri kelahirannya dan juga semasa berada lama di Baghdad. Ini kerana beliau mendirikan mazhabnya yang tersendiri dalam bidang fiqh yang disebut oleh para pengikutnya dengan nama Mazhab Jaririyah (Badri Yatim. t.th. : 2). Kecintaan al-Tabari terhadap ilmu pengetahuan mendorong beliau meninggalkan kota Tabaristan dan mengembara ke beberapa wilayah seperti al-Rayy, Baghdad, Wasit, Basrah, Kufah, Mesir dan Syria untuk menuntut ilmu. Walaupun al-Tabari merupakan seorang ilmuwan yang pakar dalam pelbagai bidang ilmu, namun, ilmu sejarah yang ada pada beliau menjadikan beliau seorang tokoh sejarawan terkenal. Karya al-Tabari sering dirujuk oleh pengkaji-pengkaji sejarah untuk mendapatkan kesahihan sesebuah fakta sejarah khususnya *Kitab Tarikh al-Muluk wa al-Rasul*. Al-Tabari merupakan sejarawan yang memiliki pendekatan sendiri dalam menyampaikan hasil penulisan beliau. Buktinya, pendekatan metode penyebutan rangkaian sanad bagi setiap riwayat yang digunakan oleh al-Tabari dalam menyampaikan fakta-fakta berkaitan. Al-Tabari yang dinobatkan sebagai “Bapa Pensejarahan Islam” ini bukan hanya mengorbankan seluruh kehidupannya memberikan manfaat kepada komuniti dan masyarakat pada masanya sahaja, tetapi sebaliknya beliau telah memberikan sumbangan yang begitu besar kepada

generasi hari ini dengan meninggalkan karya yang sangat bermanfaat dan menjadi rujukan kalangan masyarakat sama ada dalam dunia Islam mahupun Barat.

RUJUKAN

- Badri Yatim. t.th. Al-Tabari. Dlm. *Ensiklopedia Islam*. Jil. 7. Jakarta: PT Intermedia.
- Al-Baghdadi, Abu Bakr Ahmad bin ʿAli bin Thabit bin Ahmad bin Mahdi al-Khatib. 2002. *Tarikh Baghdad*. Tahqiq. Bashir ʿAwwad Maʿruf. Jil. 2. Cet. 1. Bayrut: Dar al-Garb al-Islamiyy.
- Bosworth, C.E. 2000. Al-Tabari. Dlm. *The Encyclopaedia of Islam*, hlm. 11. Vol. X. Leiden: E.J. Brill.
- Al-Dhahabi, Shams al-Din Muhammad bin Ahmad bin ʿUthman. 1956. *Tadhkirat al-Huffaz*. Cet. 3. Jil. 2. Hyderabad: Dairat al-Maʿarif al-ʿUthmaniyyah.
- Al-Dhahabi, Shams al-Din Muhammad bin Ahmad bin ʿUthman. 1963. *Mizan al-Iʿtidal fi Taqdir al-Rijal*. Jil. 3. Bayrut: Dar al-Maʿrifat.
- Al-Hamawi, Shihab al-Din Abu ʿAbd Allah Yaqt bin ʿAbd Allah al-Rumiyy. 1993. *Muʿjam al-Udabaʿ*, Tahqiq. Ihsan ʿAbbas. Cet. Pertama. Jil. 1. Bayrut: Dar al-Garb al-Islamiyy.
- Al-Hamawi, Shihab al-Din Abu ʿAbd Allah Yaqt bin ʿAbd Allah al-Rumiyy. 1993. *Muʿjam al-Udabaʿ*. Tahqiq. Ihsan ʿAbbas. Cet. 1. Jil. 2. Bayrut: Dar al-Garb al-Islamiyy.
- Al-Hamawi, Shihab al-Din Abu ʿAbd Allah Yaqt bin ʿAbd Allah al-Rumiyy. 1993. *Muʿjam al-Udabaʿ*. Tahqiq. Ihsan ʿAbbas. Cet. 1. Jil. 6. Bayrut: Dar al-Garb al-Islamiyy.
- Al-Hamawi, Shihab al-Din Abu ʿAbd Allah Yaqt bin ʿAbd Allah al-Rumiyy. 1995. *Muʿjam al-Buldan..* Cet. 2. Jil. 6. Bayrut: Dar Sadir.
- Ibn al-Athir, Abi al-Hasan ʿAli bin Abi al-Karm Muhammad bin Muhammad bin ʿAbd al-Karim bin ʿAbd al-Wahid al-Shaybani. 2002. *Al-Kamil fi al-Tarikh*. Cet. 1. Jil. 7. Bayrut: Dar al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
- Ibn Hajar Al-ʿAsqalani, Abu al-Fadl Ahmad bin ʿAli bin Muhammad bin Ahmad. 1971. *Lisan al-Mizan*. Tahqiq. Matbaʿah Dairah al-Maʿarif al-Nizamiyyah. Cet. 2. Jil. 5. Bayrut: Muassasah al-ʿAlamiyy li al-Matbuʿat.
- Ibn Kathir, Abu al-Fidaʿ Ismaʿil bin ʿUmar al-Qurashiyy al-Basriyy. 1997. *Al-Bidayah wa al-Nihayah*. Tahqiq. ʿAbd Allah ʿAbd Muhsin al-Turkiyy. Cet. 1. Jil 14. Giza.: Dar al-Hijr.
- Ibn Khallikan, Abi al-ʿAbbas Shams al-Din Ahmad bin Muhammad bin Abi Bakr. 1968. *Wafayat Al-Aʿyan Wa Anbaʿ Abnaʿ Zaman*. Tahqiq. Ihsan ʿAbbas. Jil. 4. Dar Sadir: Bayrut.

- Ibn Taghri Birdi, Jamal al-Din Abi al-Muhasin. 1932. *al-Nujum al-Zahirah fi Muluk Misr wa al-Qaherah*. Cet. 1. Jil. 3. Qaherah: Dar al-Kutub al-Misriyyah.
- Al-Jawzy, Jamal al-Din Abu al-Farj °Abd al-Rahman bin °Ali bin Muhammad. 1992. *Al-Muntazim fi Tarikh al-Umam wa al-Muluk*. Tahqiq. Muhammad °Abd al-Qadir °Ata, Mustafa °Abd al-Qadir °Ata. Cet. 1. Jil. 13. Bayrut: Dar al-Kutub al-°Ilmiyyah.
- Kashif, Sayyidah Ismail. 1983. *Masadir Tarikh al-Islamiyy wa Manahij al-Bahs Fih*. Bayrut: Dar al-Raid al-°Arabiyy.
- Mahayudin Yahaya. 1989. *Ensiklopedia Sejarah Islam*. Jil. 5. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mani' Abd Halim Mahmud. 2006. *Metodologi Tafsir "Kajian Komperhensif Metode Para Ahli Tafsir"*. Jakarta: PT Grafindo Persada.
- Al-Najmi, Ihab Said, Ahmad Said an-Najmi. t.th. *al-Imam Muhammad bin Jarir al-Tabari*. t.tp. t.pt.
- Al-Nawawi. Abu Zakariyya Mahy al-Din Yahya Sharf. T.th. *Tahdhib al-Asma' wa al-Lughat*. Jil. 1. Bayrut: Dar al-Kutub al-°Ilmiyyah.
- Al-Subky, Taj al-Din. 1964. *Tabaqat al-Shafiyyat al-Kubra*. Tahqiq. Mahmud Muhammad al-Tanahi dan °Abd Fattah Muhammad al-Hilw. Cet. 1. Jil. 3. Qaherah: Dar Ihya' wa al-Kutub al-°Arabiyyah.
- Al-Tabari, Muhammad bin Jarir bin Yazid bin Kathir bin Ghalib al-Amuli. 1989. *The History of al-Tabari*. Jil. 1. Albany: State University of New York Press.
- Al-Tabari, Muhammad bin Jarir bin Yazid bin Kathir bin Ghalib al-Amuli. 1960. *Tarikh al-Tabari*. Tahqiq. Muhammad Abu al-Fadl Ibrahim. Jil. 1. Cet. 2. Mesir: Dar al-Ma°arif.
- Wan Kamal Mujani. 2014. *Pensejarahan Islam Sejarawan Madrasah Madinah Sehingga Awal Abad ke-4 Hijrah*. Siri. 1. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-Zirikli, Khayr al-Din bin Mahmud bin °Ali bin Faris. 2002. *Al-A°lam: Qamus Tarajum*. Cet. 5. Jil. 6. Bayrut: Dar al-°Ilm li al-Malayin.